

23 OCT 2003

Abdullah-Yahudi

ABDULLAH YAKIN PELABUR TERUS PILIH MALAYSIA

BANGI, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melahirkan keyakinan bahawa pelabur asing akan terus datang ke Malaysia walaupun ada gesaan oleh sebuah badan pelobi kepentingan Yahudi di Amerika Syarikat supaya pelabur dan pelancong memulaukan negara ini.

Menurut laporan akhbar, desakan Pusat Simon Wiesenthal itu dibuat berikutan tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru-baru ini melabel kaum Yahudi sebagai angkuh dan menyatakan mereka kini menguasai dunia melalui proksi.

Timbalan Perdana Menteri berkata para usahawan melabur di sesebuah negara berdasarkan kepada beberapa faktor seperti keadaan keselamatan dan keamanan yang terjamin serta ekonomi yang berjalan baik.

"Dan semua faktor-faktor ini ada pada kita. Jadi kita tak perlu bimbang. Soal mereka nak mengambil pendirian macam itu, itu adalah kebebasan mereka," katanya pada sidang berita selepas menutup Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari Peringkat Kebangsaan, di sini.

Katanya lagi: "Tapi kita dukacitalah bila itu cara respons mereka. Bagaimanapun, kita akan terus membangunkan negara kita.

"Saya yakin syarikat-syarikat atau para pelabur yang sudah berada di negara kita akan terus berada di sini dan yang hendak melabur pun akan (terus) datang."

"Saya tahu pelabur datang kerana dia hendak cari keuntungan daripada pelaburan di sebuah negara yang aman dan selamat," katanya.

Abdullah berkata Malaysia akan sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dan terpulang kepada rakyatnya untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan demi menjaga kepentingan negara.

Ditanya sama ada hasutan supaya pelabur dan pelancong memboikot Malaysia itu adalah sesuatu yang keterlaluan kerana ia bersandarkan kepada ucapan Dr Mahathir yang disalahanggap, Abdullah berkata:

"Saya nampak itu satu tindakan tak wajar sebab mereka membuat interpretasi (terhadap ucapan itu) luar daripada konteks."

Ucapan berani Dr Mahathir pada pembukaan sidang kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya minggu lepas telah menyebabkan beliau menjadi tumpuan kecaman pemimpin Barat dan Israel sehingga ada yang menyifatkan beliau sebagai "anti-Semitik",

Dalam wawancara dengan akhbar Thailand, "The Bangkok Post" pada Isnin lepas, Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata reaksi dunia menunjukkan bahawa Yahudi memang menguasai dunia dan merupakan satu bangsa yang angkuh hingga mengetepikan pendirian masyarakat antarabangsa.

Mengenai dakwaan ada warga Malaysia di luar negara menjadi mangsa ugutan kumpulan tertentu yang tidak senang hati dengan kenyataan Dr Mahathir itu, Abdullah berkata kerajaan akan memastikan semua warganya selamat.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau belum menerima apa-apa laporan berhubung kejadian seumpama itu dari Wisma Putra.

"Saya tak dapat sebarang maklumat mengenai perkara ini. Jika sampai kepada tahap itu, tentu (Menteri Luar Datuk Seri) Syed Hamid (Albar) telah

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah berkata dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan selama ini telah membawa kemajuan bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga masyarakat bukan Islam di Malaysia.

Katanya tiada siapa yang boleh mempertikaikan bahawa pembangunan yang berlangsung di negara ini telah "mengupayakan" umat Islam, termasuk melalui

pendidikan dan penekanan terhadap sains dan teknologi.

Abdullah berkata kemampuan yang dimiliki rakyatnya menyebabkan Malaysia mampu menyumbang dalam pembangunan negara-negara Islam lain seperti yang ditunjukkan oleh penglibatan syarikat petroleum nasional, Petronas, dalam usaha carigali minyak di Afrika.

Seminar itu dianjurkan bersama oleh Pejabat Penasihat Agama Islam Kepada Perdana Menteri, Jabatan Hal Ehwal Khas (Kementerian Penerangan) dan DRB-Hicom Berhad.

Antara lain, ia mengupas makna sebenar Islam kepada pembangunan negara dan menekankan bahawa pembangunan adalah menjadi tuntutan Islam iaitu fardu kifayah.

Lebih 500,000 kakitangan awam dan swasta menjayakan program itu sejak dilancarkan pada Oktober tahun lepas. -- BERNAMA

MAM MAM RHM AHM